



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PEMAKLUMAN BERHUBUNG CUTI UMUM SEMPENA HARI KEPUTERAAN RASMI DYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG BAGI PEKERJA SWASTA

- Adalah dimaklumkan bahawa **3 Jun 2024 (Isnin)** diisytiharkan sebagai **Hari Kelepasan Am** sempena Hari Keputeraan Rasmi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Seksyen 8, Akta Hari Kelepasan 1951 dan pengisytiharan ini telah diwartakan pada 9 Ogos 2023.
- Hari Kelepasan Am ini adalah termaktub sebagai Hari Cuti Umum yang wajib diberikan kepada pekerja menurut Seksyen 60D(1)(a)(ii) Akta Kerja 1955 [Akta 265].
- Hari Kelepasan Am ini tidak boleh digantikan dengan tarikh lain dan pekerja yang diarahkan bekerja pada tarikh ini hendaklah dibayar gaji pada kadar bayaran bagi Hari Kelepasan Am selaras dengan peruntukan Akta 265.

**JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
23 MEI 2024**